

24 MAY 1999

Abdullah-Keng Yaik

TERPULANG KEPADA KENG YAIK BERI PENJELASAN PADA KABINET, KATA ABDULLAH

PETALING JAYA, 24 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hari ini terpulang kepada Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik untuk menjelaskan kepada Kabinet berhubung kenyataannya mengenai penoreh getah baru-baru ini.

Abdullah berkata Kabinet tidak akan meminta penjelasan daripada Lim melainkan jika beliau sendiri ingin menjelaskannya kepada Kabinet.

"Elok juga kalau dia nak ambil kesempatan menjelaskan kepada Kabinet tentang isu yang timbul yang melibatkan dirinya dan kenyataan yang dia buat," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan buku "A New Deal For Asia" yang ditulis oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Timbalan Perdana Menteri berkata anggota Kabinet akan memahami keadaan sebenar jika Lim sanggup menjelaskan kenyataan beliau kepada mereka.

Lim, pada Khamis lepas di Dewan Negara, semasa menjawab soalan Senator N. Marimuthu mengenai mengapa Kementerian Perusahaan Utama tidak mencadangkan gaji bulanan untuk penoreh getah semasa harga bahan itu tinggi, menjawab: "Bagaimana penoreh getah boleh diberi gaji bulanan sedangkan tiada siapa yang tahu apa yang mereka buat di belakang pokok-pokok itu."

Kenyataan Lim itu menimbulkan perasaan marah di kalangan beberapa pihak termasuk Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) yang menganggap kenyataan itu sebagai menghina penoreh getah.

Mereka mahu supaya Lim memohon maaf dan menarik balik kenyataannya.

Semalam, Lim mendakwa kenyataan beliau di Dewan Negara itu telah disalah tafsir oleh akhbar berbahasa Tamil iaitu Malaysiaman.

Lim yang juga Presiden Parti Gerakan berkata, beliau tidak berniat untuk menyinggung perasaan penoreh getah.

Lim juga dilaporkan semalam bahawa sebenarnya apa yang beliau katakan di Dewan Negara ialah adalah sukar mengawasi pekerja-pekerja ladang getah, kerana mereka bekerja dalam suasana berlainan, tidak seperti pekerja kilang.

Ketika ditanya sama ada arahan beliau kepada Menteri-menteri bahawa sebarang masalah yang melibatkan kementerian masing-masing dibincangkan dalam Kabinet dan bukan melalui media massa tidak dipatuhi, Abdullah berkata beliau tidak tahu sama ada kenyataan Lim itu "benar-benar dianggap sebagai sensasi."

"Mungkin surat khabar beri liputan yang mensensasikan kenyataan itu," kata beliau.

Abdullah yang kembali bertugas hari ini selepas bercuti berkata beliau tidak tahu sama ada isu gaji bulanan kepada pekerja estet telah dibincangkan dalam Kabinet semasa beliau bercuti.

Mengenai cadangan PAS menubuhkan sebuah sekretariat untuk menjaga kepentingan masyarakat Cina di negara ini, Abdullah yang kini menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden Umno berkata, beliau tidak memahami mengapa hanya sekarang PAS ingin menubuhkan sekretariat itu.

"Sikap politik orang Cina ini akan ditentukan oleh orang Cina sendiri dan bukan melalui penubuhan urusetia oleh PAS," kata Naib Presiden Umno itu.

Abdullah berkata masyarakat Cina mampu membuat pilihan mereka sendiri pada pilihan raya umum akan datang.

--BERNAMA
ES zb